

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI  
PETANI)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang meratifikasi Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Semua Orang Daripada Kehilangan Yang Dipaksa (ICPPED), dan adakah Kerajaan akan mengakui bahawa kehilangan paksa wujud di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kementerian ini masih menjalankan kajian terperinci terhadap keseluruhan peruntukan-peruntukan di dalam Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Semua Orang Daripada Kehilangan Yang Dipaksa (ICPPED) dan seterusnya akan menyelaras dengan agensi Keselamatan dan penguatkuasa undang-undang yang berkenaan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pecanggahan di antara peruntukan ICPPED dengan undang-undang negara termasuk prosedur kerja sebelum membuat syor kepada Kerajaan.

Berkenaan dakwaan kehilangan paksa wujud di Malaysia yang mengaitkan penglibatan pihak PDRM, Kementerian ini memandang serius laporan tersebut dan telah menubuhkan pasukan petugas khas (PPK) ke atas laporan pendengaran siasatan awam SUHAKAM mengenai kes kehilangan Raymond Koh dan Amri Che Mat. Pasukan ini ditubuhkan dan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2019 dan diberikan masa selama enam bulan untuk menjalankan siasatan sebelum laporan dibentangkan kepada Kerajaan.